



## SIARAN AKHBAR

### INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN APRIL 2022

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan April 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 600 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; jumlah pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI ini menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk utama makroekonomi.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. BSI mempunyai 9 sub-indeks. **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, yang merupakan indeks utama BSI, adalah 50.3 bagi bulan April 2022. Ini merupakan kenaikan yang ketujuh berturut-turut sejak bulan Oktober 2021. Walaupun sebahagian responden menjangkakan kemerosotan pada bulan April 2022 disebabkan oleh bulan Ramadhan, sentimen perniagaan secara amnya adalah optimistik bagi bulan tersebut kerana ekonomi dijangka akan terus pulih secara beransur-ansur daripada impak gelombang ketiga COVID-19. Para peniaga menjangkakan peningkatan dalam permintaan dan produktiviti memandangkan pengurangan dalam jumlah pekerja yang dikenakan perintah kuarantin; peningkatan dalam jumlah projek dan aktiviti; dan juga peningkatan dalam jualan kereta baru dan tiket penerbangan yang lebih banyak berikutan pembukaan semula sempadan bermula 1 April 2022. Indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan pula adalah 50.4. Ini mencerminkan jangkaan positif di kalangan perniagaan mengenai peningkatan jualan dengan adanya promosi-promosi menjelang Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mei 2022, serta pelonggaran terhadap sekatan COVID-19 di masa akan datang.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 49.9 bagi bulan April 2022, 50.4 untuk satu bulan ke hadapan dan 50.3 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara keseluruhan, para peniaga menjangkakan

pengurangan dalam aktiviti pelaburan dan inventori pada bulan April 2022 berbanding bulan sebelumnya memandangkan sebahagian besar daripada aktiviti pelaburan telah dilaksanakan pada suku pertama tahun ini. Walau bagaimanapun, beberapa peniaga merancang untuk meningkatkan perbelanjaan pelaburan pada bulan yang akan datang yang antarlainnya adalah untuk pembukaan cawangan baharu; pengubahsuaian dan menaik taraf premis perniagaan; serta pembelian dan penggantian mesin dan peralatan.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.1 bagi bulan April 2022, dan 50.1 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara keseluruhannya, para peniaga berhasrat untuk menambah tenaga kerja pada bulan April 2022 dan seterusnya meningkatkan lagi pengambilan pekerja pada bulan Mei 2022. Secara amnya, pengambilan tenaga kerja masih merupakan satu cabaran di kalangan perniagaan, antarlainnya disebabkan oleh proses pengambilan pekerja asing yang mengambil masa yang lama serta ketidakpadanan kemahiran dalam pasaran buruh. Walau bagaimanapun, para peniaga telah menyatakan bahawa mereka perlu meneruskan usaha untuk mengambil pekerja baharu terutamanya untuk menggantikan pekerja-pekerja asing yang telah, ataupun akan, tamat kontrak dan kembali ke negara asal.
7. **Sub-indeks Kos** adalah 50.3 bagi bulan April 2022, dan 50.0 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan para perniagaan menjangkakan kos perniagaan akan meningkat berbanding bulan Mac 2022, dan akan terus meningkat pada bulan Mei 2022. Sebahagian perusahaan menjangkakan peningkatan dalam perbelanjaan untuk aktiviti pemasaran pada bulan April 2022 serta pembayaran gaji dan komisen kepada pekerja-pekerja berikutan jangkaan peningkatan dalam jualan di masa yang terdekat. Perniagaan secara amnya telah mencatatkan kenaikan terhadap kos pada beberapa bulan kebelakangan ini, khususnya kenaikan kos logistik; pengangkutan; bahan mentah; bahan makanan; dan harga minyak. Tren kenaikan harga tersebut dijangka akan berterusan pada jangka masa yang terdekat.

<b>BSI April 2022</b>	
<b>Keadaan Perniagaan</b>	<b>50.3</b>
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan	49.9
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.3
Pengambilan Pekerja	50.1
Pengambilan Pekerja Satu Bulan Ke Hadapan	50.1
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke hadapan	50.0

8. Dari segi sektor ekonomi, sentimen keadaan perniagaan bertambah baik pada bulan April 2022 berbanding dengan bulan Mac 2022, dengan 6 daripada 11 sektor mencatatkan sentimen yang optimistik. Kenaikan terbesar adalah di dalam Sektor Pengangkutan & Komunikasi, yang berkemungkinan didorong oleh peningkatan aktiviti pelancongan berikutan pembukaan semula sempadan. Ini diikuti oleh Sektor Perdagangan Borong & Runcit yang menjangkakan peningkatan jualan, dan keadaan perniagaan yang lebih baik di Sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan. Manakala, 3 sektor iaitu Pembinaan; Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan; dan Perkhidmatan Lain menunjukkan sentimen yang pesimistik pada April 2022, iaitu di bawah paras 50. Antara faktor-faktor kemerosotan yang diperhatikan oleh sektor-sektor ini termasuk kelembapan perniagaan disebabkan oleh bulan Ramadhan; kekurangan projek; dan

tenaga kerja. Sementara itu, sektor Pembuatan dan Harta Tanah & Pemilikan Kediaman melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan April 2022 berbanding bulan Mac 2022.

<b>Keadaan Perniagaan April 2022 Mengikut Sektor</b>	
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.3
Pembuatan	50.0
Pembinaan	49.7
Perdagangan Borong & Runcit	50.4
Pengangkutan & Komunikasi	50.6
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	49.9
Kewangan & Insurans	50.2
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Hotel & Restoran	50.2
Kesihatan & Pendidikan	50.1
Perkhidmatan Lain	49.9

9. Secara amnya, tahap sentimen dari segi indeks mengikut saiz perusahaan telah bertambah baik pada bulan April 2022 berbanding bulan sebelumnya. Perusahaan bersaiz mikro dan besar telah melaporkan peningkatan berikutan aktiviti perniagaan yang kian meningkat dengan penambahbaikan keadaan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Sementara itu, perniagaan bersaiz kecil dan sederhana melaporkan penguncupan berikutan kelembapan aktiviti perniagaan pada bulan Ramadhan, di samping cabaran yang melibatkan logistik dan tenaga pekerja.

<b>Keadaan Perniagaan April 2022 mengikut Saiz</b>	
Mikro	50.1
Kecil	49.9
Sederhana	49.9
Besar	50.2

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn) dan juga dengan mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 24 Syawal 1443H / 25 Mei 2022M

Ruj: BDCB/COMMS

**LAMPIRAN 1**


**Keadaan Perniagaan**



**Nota:** Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


**Pelaburan**



**Nota:** Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


### Pengambilan Pekerja



**Nota:** Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


### Kos



**Nota:** Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

## BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga April 2022



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

## Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.